



Rujukan Kami : KTPK 18/7/2.148 (4)
Tarikh : 16 Jun 2003

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 2 TAHUN 2003**

**PROSEDUR BAGI PEMROSESAN
KERJA UKUR HAKMILIK TANAH
DI UNIT PROSESAN KADASTER**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan proses kerja yang seragam di Unit Prosesan Kadaster selaras dengan peningkatan sistem-sistem pengautomasian di JUPEM Negeri khususnya Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK), Sistem Automasi Pejabat Ukur Daerah (SAPD) dan Sistem Total Station (STS).

2. LATAR BELAKANG

2.1 JUPEM telah meletakkan asas pelaksanaan konsep kerja "*Field to Finish (F2F)*" dengan menubuhkan SPDK, SAPD dan STS. Sistem-sistem ini turut diwujudkan untuk menyedia dan menyimpan data secara berdigit, disamping mempermudah pengendalian kerja di setiap Unit JUPEM Negeri – terutamanya dalam urusan pemprosesan kerja ukuran hakmilik tanah. Pada tahun 2002, ketiga-tiga sistem ini telah dipertingkatkan keupayaannya dengan perolehan perkakasan dan perisian serta peralatan ukur terkini yang mampu berhubung antara satu sama lain.

- 2.2 STS dan SAPD berkeupayaan menyediakan, memproses serta menyemak hasil ukuran di peringkat Pejabat Ukur Daerah. Ini memudahkan urusan pemeriksaan keatas hasil tersebut serta keatas penentuan kualiti data-data ukur yang dihantar ke Unit Prosesan Kadaster. Selain itu, SPDK juga mempunyai fungsi-fungsi yang memudahkan kerja-kerja pemprosesan dan penyemakan. Oleh yang demikian, proses kerja yang sedia ada perlu diubahsuai untuk mengelakkan pengulangan kerja, pertindihan tugas serta untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja di kesemua peringkat kerja yang berkaitan.
- 2.3 Disamping itu, melalui urusan peningkatan SPDK, beberapa modul baru telah diperkenalkan. Salah satu daripada modul tersebut adalah modul *Digital End Product* (DEP) yang membolehkan tandatangan dibuat secara berdigit. Tandatangan berdigit memperuntukkan unsur sekuriti kepada dokumen-dokumen Jilid Kiraan (JK) dan Pelan Akui (PA) yang dihasilkan oleh SPDK. Pembekalan fungsi ini di dalam sistem telah pun diuruskan dan wajar untuk seterusnya digunapakai.

3. PROSEDUR PEMROSESAN KERJA

Tatacara pemprosesan kerja yang terbabit dibahagikan kepada 6 peringkat yang mempunyai fungsi dan bidang tugas tersendiri, iaitu seperti berikut:

- i. Semakan hasil ukuran oleh Juruukur Daerah (JUD)
- ii. Penyediaan Jilid Kiraan (JK) dan Pelan Akui (PA) oleh Unit Prosesan Kadaster
- iii. Semakan kualiti oleh Ketua Unit Prosesan Kadaster
- iv. Pengesahan kualiti oleh Penolong Pengarah Ukur Prosesan Kadaster (PPU(PK))
- v. Pengesahan / kelulusan JK oleh Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan (TPUP)
- vi. Pengesahan / kelulusan PA oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan (PUP)

Di dalam melaksanakan pemrosesan, elemen-elemen penting hendaklah disemak pada setiap peringkat berkenaan bagi memastikan bahawa kerja yang dijalankan mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan ukur dan pekeliling-pekeliling KPUP yang berkuatkuasa.

Pendekatan pemrosesan berperingkat seperti yang dinyatakan diatas sewajarnya melupuskan keperluan kepada pegawai penyemak secara spesifik di Unit Prosesan Kadaster. Sebaliknya peranan semakan akan umumnya diuruskan oleh pegawai-pegawai tertentu, sepertimana dijelaskan dengan lebih lanjut dibawah.

3.1 Semakan Hasil Ukuran Oleh JUD

Peranan JUD adalah amat penting dan turut mempengaruhi penentuan bidang tugas dan fungsi pemrosesan seterusnya di Unit Prosesan Kadaster. Dalam hal ini, JUD bertanggungjawab menyemak hasil ukuran yang diproses oleh SAPD dan aspek-aspek teknikal yang perlu diteliti adalah seperti berikut:

- i. Datum dan Azimut Akui
- ii. Tikaian (bearing dan linear)
- iii. Cerapan matahari
- iv. Perbezaan nilai ukuran lama dan baru (SA dan Baru)
- v. Kedudukan tanda sempadan lama
- vi. Tanam pastian dan penggantian tanda sempadan lama serta garisan asas yang digunakan
- vii. Simpanan jalan / sungai / taliair dan sebagainya
- viii. Ofset butiran kekal
- ix. Koordinat stesen permulaan
- x. Perbezaan bentuk dan keluasan ukuran berbanding Permohonan Ukur (PU) / Surihan Kerjalar (SKL)
- xi. Data-data fail JUPEM ASCII berkaitan yang perlu dihantar ke Ibu Pejabat JUPEM Negeri

Selain itu, aspek-aspek seperti bantahan tuan tanah, keluasan melebihi had yang dibenarkan, ukuran mengikut usaha, pertindihan sempadan dan lain-lain masalah pentadbiran bagi tanah yang diukur hendaklah diselesaikan terlebih dahulu dengan Pejabat Tanah sebelum hasil ukuran dikemukakan ke Ibu Pejabat JUPEM Negeri.

3.2 Penyediaan JK dan PA oleh Unit Prosesan Kadaster

Data-data ukuran yang dikemukakan oleh JUD dalam bentuk *soft copy* hendaklah diproses untuk menghasilkan JK dan PA. Sebelum nombor JK dan nombor PA diperuntukkan, perkara-perkara berikut hendaklah terlebih dahulu disemak:

- i. Bilangan lot yang diukur
- ii. Nilai koordinat permulaan
- iii. Pendekatan ukuran (mengikut PU atau usaha)
- iv. Tikaian lurus lot
- v. Kesempurnaan ukuran garisan ikatan (melalui nilai keatas tikaian lurus atau lain-lain kaedah)
- vi. Perbezaan nilai SA dan Baru
- vii. Keperluan garisan sambungan
- viii. Pertindihan sempadan, menggunakan kemudahan dan maklumat dari Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK)

Disamping itu, tindakan-tindakan berikut juga hendaklah diambil:

- i. Melengkap dan menukarkan JK ke dalam format PDF
- ii. Mengedit PA
- iii. Memasukkan nama pada PA
- iv. Melengkap dan menukarkan PA ke dalam format TIFF dan JPEG

Hasil kerja hendaklah seterusnya diserahkan kepada Ketua Unit Prosesan Kadaster setelah Sistem Rekod Ukur dikemaskinikan.

3.3 Semakan Kualiti Oleh Ketua Unit Prosesan Kadaster

Ketua Unit Prosesan Kadaster bertanggungjawab memastikan JK dan PA yang dihasilkan mematuhi peraturan dan perundangan yang ditetapkan. Diantara elemen-elemen yang perlu diberikan perhatian adalah:

- i. Kesempurnaan pemilihan Azimut Akui
- ii. Kedudukan tanda-tanda sempadan lama (berada di tempat asal)
- iii. Kesempurnaan penggantian tanda sempadan lama dan urusan tanam pastian
- iv. Kesempurnaan peruntukan simpanan-simpanan berkaitan
- v. Pendekatan ukuran (mengikut PU / usaha - diuruskan secara teratur)
- vi. Ketepatan ukuran (tikaian lurus lot dan garisan ikatan – memenuhi kehendak peraturan)
- vii. Kesempurnaan maklumat sempadan pentadbiran, abutal, lot berdampingan dan lain-lain
- ix. Kesempurnaan penyediaan JK dan PA

Disamping itu Ketua Unit Prosesan Kadaster juga dikehendaki menguruskan tindakan-tindakan berikut, setelah urusan pemeriksaan diatas diselesaikan :

- i. Memasukkan nama pemeriksa
- ii. Mengepos hasil prosesan ke Sistem Pengesahan Kualiti (SPEK)
- iii. Mengemaskini Sistem Rekod Ukur sebelum fail diedarkan kepada PPU (PK).
- iv. Menyediakan kuir keatas kerja ukuran yang dijalankan, sekiranya perlu.

3.4 Pengesahan Kualiti Oleh PPU (PK)

PPU (PK) turut bertanggungjawab memastikan JK dan PA yang dihasilkan memenuhi segala kehendak peraturan dan perundangan sebelum dikemukakan untuk kelulusan TPUP dan PUP. Diantara perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian adalah:

- i. Aspek pendekatan ukuran
- ii. Aspek perbezaan bentuk, keluasan dan yang berkaitan
- iii. Aspek perbezaan nilai SA dan Baru dan lain-lain bagi mengelakkan pertindihan sempadan (*encroachment*)
- iv. Kesempurnaan maklumat sempadan pentadbiran, abutal, lot berdampingan dan lain-lain
- v. Kesempurnaan dan kualiti kerja secara menyeluruh

Disamping itu, PPU(PK) hendaklah menyemak kuir kerjalar (jika disediakan) selain daripada mengemaskini Sistem Rekod Ukur, sebelum fail dikemukakan kepada TPUP.

3.5 Pengesahan Jilid Kiraan Oleh TPUP

TPUP hendaklah memastikan urusan kerja dibuat secara teratur dan sempurna dari segala segi sebelum JK diluluskan dan PA dikemukakan untuk kelulusan PUP. Pengesahan JK hendaklah dibuat dengan menggunakan kemudahan tandatangan berdigit.

3.6 Pengesahan Pelan Akui Oleh PUP

Pengarah Ukur dan Pemetaan hendaklah memastikan bahawa semua urusan kerja dibuat secara teratur dan sempurna sebelum meluluskan PA. Pengesahan PA hendaklah dibuat dengan menandatangani dokumen tersebut secara berdigit.

4. ALIRAN KERJA

Carta aliran kerja bagi prosedur memproses kerja ukur hakmilik tanah adalah seperti di **Lampiran `A`**.

5. PERLAKSANAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Salinan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

CARTA ALIRAN BAGI URUSAN PEMROSESAN KERJA UKUR HAKMILIK TANAH



Nota:

Pergerakan fail kerja Ibu Pejabat JUPEM Negeri melalui Sistem Rekod Ukur

Singkatan

PUP :Pegarah Ukur dan Pemetaan
 TPUP :Tim. Pegarah Ukur dan Pemetaan
 PPU (PK):Pen. Pegarah Ukur Prosesan Kadaster
 JUD :Juruukur Daerah
 KUPK :Ketua Unit Prosesan Kadaster
 Unit PK :Unit Prosesan Kadaster
 JK :Jilid Kiraan
 PA :Pelan Akui
 JUPEM :Jabatan Ukur dan Pemetaan